

ATRIBUSI (Part 5)

Shafezan Hamidi Abd Hamid, Nik Rozita Bt Ab Lattip & Ong Ay Shin

APLIKASI TEORI ATRIBUSI

- Manusia sentiasa ingin mengetahui tentang tingkah laku mereka sendiri dan juga orang lain.
- Dalam usaha mengesan tingkah laku ini dengan cara tidak langsung terjadinya pembaharuan dalam psikologi sosial.
- Teori atribusi yang dikaitkan dengan tingkah laku ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian kita melalui dua cara, iaitu dari sudut perbezaan individu dan hubungan interpersonal.

1 Perbezaan individu

Rotter (1991) mempercayai bahawa dalam pembentukan atribusi setiap individu adalah berbeza berdasarkan jumlah kawalan yang dirasai sama ada dalam bentuk hukuman atau pengukuhan.

Kepercayaan dalaman yang mereka ada besar jumlahnya pada kawalan diri mereka daripada nasib mereka. Kenyataan ini berasaskan bahawa mereka sendirilah yang menyebabkan sesuatu perkara itu berlaku.

Kepercayaan luaran dikatakan lebih fatalistik kerana individu seperti ini mempercayai bahawa perjalanan hidup manusia semuanya takdir ataupun nasib. Mereka menyatakan bahawa mereka hanya ada sedikit kawalan ke atas yang berlaku terhadap diri mereka.

Aplikasi yang cuba disampaikan ini hampir sama dengan model atribusi sebab-akibat Weiner. Model ini menyatakan kejayaan dan kegagalan individu banyak dipengaruhi oleh kearah mana seseorang itu lebih cenderung sama ada melalui kawalan dalaman atau luaran dan dari situlah ia menunjukkan perbezaan yang ketara di antara individu.

2 Hubungan Interpersonal

Dalam atribusi, suatu perhubungan interpersonal yang rapat dianggap sangat penting kerana dalam atribusi juga wujudnya komunikasi dalam pelbagai cara. Harvey (1987), mencadangkan bahawa dalam hubungan interpersonal harus ada tiga perkara utama, iaitu:

a) Tempoh pembentukan

Dalam peringkat ini kekaburan dapat dikurangkan ketika komunikasi dijalankan kerana kaedah serta konsep yang betul dalam komunikasi digunakan.

b) Fasa penjagaan

Pada peringkat ini, suatu hubungan yang mula terbentuk untuk menjadi atau menuju ke arah yang stabil diteliti. Pada saat ini dipercayai bahawa atribusi makin bertambah. Sekiranya dalam proses melakukan hubungan yang baik dijaga rapi, maka tidak mustahil jika hubungan interpersonal yang intim dan berkesan dapat dijalin.

c) Fasa Dissolusi

Pada peringkat ini menyedari betapa pentingnya menjalinkan hubungan yang baik dan menjaga kepentingannya agar tidak terjejas. Di sini atribusi turut bertambah kerana dalam melangkah ke arah ini orang di sekeliling cuba membuat beberapa andaian terhadap sikap kita. Walau bagaimanapun, realitinya dalam membuat hubungan interpersonal akan ada konflik atribusi.

